

BAB 5

KESIMPULAN

Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau pengajaran Chengyu Tahun 6 dari segi strategi dan teknik pengajaran. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk mengesan masalah yang dihadapi guru dalam pengajaran Chengyu, dan meninjau minat murid terhadap pengajaran dan pembelajaran Chengyu. Bab ini membincangkan dapatan-dapatan utama, komen dan cadangan, batasan kajian serta cadangan-cadangan bagi kajian selanjutnya.

5.1 DAPATAN-DAPATAN UTAMA

5.1.1 Strategi dan teknik mengajar Chengyu

- i. Kebanyakan guru merancang pengajaran sebelum mereka menjalankan pengajaran Chengyu. Sebilangan besar mereka mengajar lima atau enam rangkap Chengyu setiap minggu. Sebilangan besar mereka juga berharap dapat mengajar 81 hingga 100 rangkap Chengyu dalam satu tahun.
- ii. Untuk menjimatkan masa, kebanyakan guru menggunakan teknik “chalk & talk” atau teknik berkuliah. Terus menerangkan maksud sesuatu Chengyu kepada murid juga merupakan teknik yang biasa digunakan oleh kebanyakan guru dalam pengajaran Chengyu.
- iii. Sebilangan besar guru Bahasa Cina Tahun 6 menggunakan strategi-strategi yang ditekankan dalam KBSR seperti penggabungjalinan dan penyerapan. Mereka juga menjalankan aktiviti penyerapan untuk mengukuhkan penguasaan Chengyu di

kalangan murid. Akan tetapi, bilangan guru yang menjalankan pemulihan adalah kecil. Ini mungkin disebabkan kesuntukan masa ataupun guru masih kurang mahir dalam pengelolaan aktiviti pemulihan.

- iv. Kebanyakan ABM yang digunakan untuk mengajar Chengyu ialah bekalan sekolah. Kad dan gambar merupakan ABM utama digunakan oleh sebilangan besar guru. Kebanyakan guru memberikan latihan Chengyu yang merupakan latihan stereotaip, iaitu mengisi tempat kosong atau memilih jawapan yang betul.

5.1.2 Pandangan guru terhadap kegunaan Chengyu

- i. Semua guru sedar akan kegunaan pengajaran Chengyu, misalnya pengajaran Chengyu dapat menanam nilai murni, mencerminkan pengalaman hidup, memperbaiki bahasa murid, memperindah penulisan murid dan mempertingkatkan pengetahuan kesusasteraan murid. Mereka mengajar Chengyu atas dua sebab utama, iaitu sebab terdapat Chengyu dalam buku teks dan mengajar untuk menyediakan murid menghadapi peperiksaan. Selain daripada pengajaran dalam kelas, sebilangan kecil guru mengajar Chengyu juga di luar bilik darjah.
- ii. Sebilangan besar guru sentiasa memilih Chengyu yang mengandungi unsur nilai dan yang mencerminkan pengalaman hidup sebagai bahan pengajaran. Bahan pengajaran mereka dipilih daripada buku kerja atau buku rujukan, terutamanya daripada buku-buku untuk peperiksaan UPSR.

5.1.3 Masalah yang dihadapi guru dalam pengajaran Chengyu

- i. Kekurangan masa, ABM, latihan Chengyu dalam buku teks dan buku kerja merupakan masalah yang dihadapi oleh sebilangan besar guru. Selain itu, guru juga menghadapi masalah membina latihan Chengyu untuk murid.
- ii. Masalah lain yang dihadapi guru termasuk:
 - (i.) Ada Chengyu yang maksudnya agak asbtrak, oleh itu susah diterangkan,
 - (ii.) Sikap sebahagian murid terhadap pelajaran agak negatif, dan
 - (iii.) Taraf penguasaan bahasa sebahagian murid agak lemah

5.1.4 Minat murid terhadap pengajaran dan pembelajaran Chengyu

- i. Pada pandangan guru, kebanyakan murid berminat mempelajari Chengyu. Sebabnya ialah:
 - (i.) Kebanyakan Chengyu berasal daripada cerita yang menarik,
 - (ii.) Kaedah pengajaran guru adalah sesuai, dan
 - (iii.) kebanyakan Chengyu mudah difahami.
- ii. Guru berpendapat bahawa sebilangan kecil murid tidak berminat terhadap pembelajaran Chengyu kerana:
 - (i.) Sikap murid terhadap pelajaran adalah negatif,
 - (ii.) Motif mempelajari Chengyu adalah salah, iaitu belajar untuk peperiksaan, dan
 - (iii.) Pengetahuan murid terhadap sejarah Negara China adalah terhad.
- iii. Murid didapati berminat terhadap pembelajaran Chengyu. Ini dapat dilihat daripada respons mereka bahawa mereka semua mengharapkan guru mengajar

Chengyu dalam kelas. Selain itu, mereka suka membaca buku Chengyu di rumah. Bagaimanapun, mereka tidak mempunyai konsep yang jelas tentang Chengyu.

- iv. Pada pandangan murid, pembelajaran Chengyu adalah penting kerana dapat mempelajari nilai murni, Chengyu yang dipelajari boleh digunakan dalam kehidupan harian, dalam karangan, dan dapat menikmati cerita Chengyu yang menarik.

5.2 KOMEN DAN CADANGAN

- 5.2.1 Setakat menyedari kegunaan pengajaran Chengyu tidaklah mencukupi. Guru seharusnya berusaha untuk merancang pengajaran yang berkesan untuk memperkenalkan maksud Chengyu yang sebenar, iaitu memberikan maklumat latar (contextual clues) yang cukup untuk menolong murid membuat inferensi tentang maksud tersirat sesuatu Chengyu.

Sehubungan dengan ini, Koh (1989) telah memberi cadangan yang perlu diperhatikan oleh para guru. Menurut beliau,

“Tugas utama guru Bahasa Melayu dalam pengajaran peribahasa adalah untuk membimbing murid memahami makna yang tersurat dan terus menyelami makna yang tersirat, menyimpulkan erti simbolik yang hendak disampaikan, dan menilai ketepatan perumpamaan dalam konteks berkenaan.” (m.s. 152)

Cadangan ini adalah sesuai juga untuk pengajaran Chengyu di SRJK (C) kerana aspek Chengyu dalam Bahasa Cina mempunyai sifat-sifat yang hampir sama dengan aspek peribahasa dalam Bahasa Melayu.

5.2.2 Pengajaran Chengyu di SRJK (C) masih berpusatkan guru. Pengajaran secara berkuliah yang dipraktikkan oleh para guru tidak dapat mencetuskan pemikiran murid. Menurut Cangelosi (1992), pengajaran secara berkuliah tidak dapat dikendalikan dalam jangka masa yang panjang untuk murid daripada mana-mana kumpulan umur, terutamanya budak di sekolah rendah. Semua pengajaran secara berkuliah yang melebihi 10 minit tanpa diintegrasikan dengan aktiviti pembelajaran yang lain boleh ditaksirkan sebagai pengajaran yang tidak berkesan.

Sesungguhnya, pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan murid untuk menjalankan aktiviti menekankan perkembangan murid dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (Ee, 1993). Dalam perbincangan mengenai pengajaran yang efektif, Kyriacou (1986) berkata,

"The essence of effective teaching lies in the ability of the teacher to set up a learning experience which brings about the desired educational outcomes. For this to take place, each pupil must be engaged in the activity of learning." (m.s. 33)

Dipercayai, apabila murid melibatkan diri dengan giatnya dalam aktiviti yang dirancang oleh guru, masalah seperti "sikap murid terhadap pelajaran agak negatif" akan dapat diatasi, dan murid tidak akan "mempelajari Chengyu semata-mata untuk menghadapi peperiksaan".

5.2.3 Analisis data telah menunjukkan dengan jelasnya bahawa guru sentiasa merancang pengajaran yang berorientasikan peperiksaan. Jadual 4.13 telah memperlihatkan 100% responden amat bersetuju terhadap kenyataan bahawa mereka mengajar Chengyu dalam kelas untuk menyediakan murid menhadapi

peperiksaan. Dalam Jadual 4.17 pula, 100% responden mengaku bahawa mereka merujuk buku rujukan UPSR dan buku kerja UPSR untuk memilih Chengyu untuk pengajaran.

Kemungkinan besar pengajaran yang berorientasikan peperiksaan telah menyebabkan guru mengajar banyak Chengyu kepada murid tetapi murid masih kabur tentang konsep Chengyu. Itulah sebabnya definisi yang diberikan oleh semua murid tidaklah tepat dan lengkap.

Dalam persidangan yang bertemakan Pendidikan Untuk Persaingan Global, Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak (Feb 27, 1998) berkata,

“Tidak dinafikan, sistem pendidikan kita termasuk yang sekarang ini terlalu berorientasikan peperiksaan sehingga membawa kepada corak pembelajaran ‘robotic’. Sistem pendidikan negara yang berorientasikan peperiksaan akan diubah kepada satu sistem yang lebih fleksibel dan bersesuaian dengan keupayaan pelajar sebagai individu.” (m.s. 1)

Diharap dengan perubahan yang akan dilakukan itu, sistem pendidikan pada masa depan akan berorientasikan keperluan individu yang mempunyai kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. Bagi pengajaran Chengyu pula, ianya akan dapat memanfaatkan murid sekiranya guru mengajar Chengyu untuk memperkenalkan Chengyu yang merupakan berlian dalam khazanah perbendaharaan bahasa Cina moden. Pengajaran Chengyu yang bertujuan menyediakan murid untuk menghadapi peperiksaan akan membosankan sahaja.

5.2.4 Daripada dapatan kajian ini, boleh dirumuskan bahawa guru biasanya merancang pengajaran secara individu. Mereka berbeza dalam persediaan

pengajaran, kekerapan mengajar Chengyu, bilangan Chengyu diajar setiap kali atau dalam setahun, cara memperkenalkan sesuatu Chengyu dan sebagainya.

Kewujudan ketidakseimbangan dalam pengajaran antara guru adalah disebabkan kekurangan kesepakatan di kalangan guru. Sesungguhnya guru boleh merancang pengajaran bersama-sama di bawah penyelarasan ketua panitia. Usaha merancang bersama-sama ini bukan sahaja dapat menghasilkan rancangan pengajaran yang lebih rapi, tetapi akan juga menghasilkan alat bantu mengajar yang lebih tinggi mutunya dan latihan yang beraneka jenis. Selain itu, perancangan secara kumpulan ini akan menjimatkan masa dan tenaga jika berbanding dengan usaha secara individu.

5.2.5 Beban guru menjadi berat apabila bilangan Chengyu yang perlu diajar tidak ditentukan, iaitu guru akan cuba mengajar seberapa banyak Chengyu yang boleh untuk membolehkan murid menjawab soalan-soalan yang berkenaan dengan Chengyu dalam peperiksaan. Diharap masalah ini dapat diselesaikan menjelang tahun 1999 apabila Huraian Sukatan Pelajaran Tahun 6 Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah dilaksanakan. Pada ketika itu, guru Bahasa Cina Tahun 6 akan dibekalkan senarai Chengyu yang berjumlah 80 rangkap. Guru Bahasa Cina hanya perlu memastikan murid mereka memahami maksud sebenar dan tahu menggunakan Chengyu yang disenaraikan itu dengan betul. Di samping itu, guru boleh juga memperkenalkan lebih banyak Chengyu mengikut keupayaan murid.

5.2.6 Menurut data yang dipaparkan dalam Jadual 4.13, 83% guru amat bersetuju bahawa mereka mengajar Chengyu kerana mengikut cadangan Buku Panduan

Untuk Guru yang dibekalkan oleh PPK. Disyorkan pihak PPK membuat perubahan kepada langkah-langkah untuk pengajaran Chengyu yang dicadangkan. Sesungguhnya, kaedah-kaedah yang lebih fleksibel dan berkesan perlu dicadangkan untuk menjamin pengajaran dan pembelajaran Chengyu yang berkesan.

5.3 CADANGAN-CADANGAN UNTUK KAJIAN SELANJUTNYA

Oleh sebab bilangan sampel bagi kajian ini terbatas kepada 30 orang guru dan 21 orang murid, dan sekolah yang terlibat hanya sembilan buah SRJK (C) dari dua buah daerah di Negeri Perak, dapatan kajian mungkin tidak dapat digeneralisasikan pengajaran Chengyu untuk populasi yang besar. Oleh yang demikian, kajian akan datang boleh diadakan dengan melibatkan lebih ramai guru dan murid dan lebih banyak bilangan sekolah di kawasan yang lebih luas.

Kajian juga boleh dijalankan untuk mengkaji strategi dan teknik pengajaran Chengyu di kalangan guru setelah KBSR 1994 dilaksanakan di Tahun 5 dan Tahun 6. Perbandingan ke atas pengajaran dan pembelajaran Chengyu boleh dibuat untuk mengkaji perbezaan yang mungkin wujud dari segi strategi dan teknik mengajar yang digunakan oleh guru, persepsi guru terhadap kegunaan pengajaran Chengyu dan minat murid terhadap pengajaran dan pembelajaran Chengyu.

Penggunaan soal selidik untuk meninjau strategi dan teknik pengajaran dalam kajian ini memang mempunyai kekurangannya. Dipercayai bahawa dapatan yang lebih sah dan lebih komprehensif akan diperoleh sekiranya selain daripada menggunakan soal selidik, pemerhatian kelas juga diadakan untuk mendapatkan maklumat dan data terus daripada sumber asal, iaitu dari lapangan semula jadi (natural setting).